

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HKP 213/NSK 014 Penulisan Kreatif I

Masa: [2 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM SATU [1] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Apakah yang anda fahami dengan pengertian realiti dan imaginasi. Huraikan peranan realiti dan imaginasi ini dalam komposisi sesebuah novel.
2. Dikatakan bahawa sesebuah novel adalah sebenarnya kedirian novelis yang menghasilkan novel itu. Bincangkan.
3. Konflik atau pertentangan, baik luaran maupun dalaman, adalah sewajarnya menjadi titik-tolak dalam komposisi sesebuah novel. Bincangkan.
4. Sebuah novel boleh dikatakan sebuah cerita tentang keperihalan manusia yang dipaparkan melalui bahasa. Aspek manakah yang lebih penting antara cerita, keperihalan manusia dan bahasa ini. Bincangkan.
5. Demi memaknakan kemanusiaan secara yang lebih berseni, maka teknik asosiasi kemanusiaan secara halus dengan unsur alam harus dijadikan amalan yang utama dalam berkarya. Bincangkan.